

16/04/2004

Demokrasi kita untuk kebaikan rakyat

SHAH ALAM: Malaysia sering dikecam negara demokratik etnik Eropah kerana menurut mereka tidak mengamalkan sistem demokrasi liberal seperti mereka, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau yang penerima Ijazah Kehormat Doktor Sains Politik dan Kerajaan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) semalam, berkata kritikan itu membuatkan ada rakyat Malaysia yang berasa malu mengenainya.

Dr Mahathir berkata, sepatutnya rakyat sedar bahawa demokrasi yang diamalkan Malaysia adalah untuk kebaikan negara dan rakyat, bukan rakyat dan negara dikorbankan untuk kebaikan demokrasi.

"Kita sudah lihat bagaimana demokrasi yang liberal menghancurkan budaya, moral dan agama dan kita tidak perlu halalkan kehancuran ini atas nama demokrasi. Kita harus ambil yang jernih dan buang yang keruh," katanya berucap pada majlis penganugerahan ijazah kehormat itu di sini.

Dr Mahathir berkata, rakyat perlu arif dalam ilmu politik dan tahu membezakan antara 'kaca dan permata', jika mereka ingin meraih kebaikan dan kebahagiaan daripada kuasa memilih kerajaan dalam sistem demokrasi.

Beliau berkata, kerajaan dan politik tidak dapat dipisahkan, kerajaan yang tidak cekap dan berwibawa adalah hasil politik yang juga tidak cekap.

Dr Mahathir berkata, kelicinan pilihan raya dan pembentukan kerajaan di Malaysia mungkin memberikan gambaran bahawa proses politik dan pemerintahan demokrasi adalah mudah tetapi sebenarnya ia tidak sebegitu mudah.

Katanya, demokrasi adalah sistem yang amat rumit dan terdedah kepada kemungkinan rasuah, huru-hara dan anarki.

Beliau berkata, pembunuhan dan aneka jenis jenayah yang berlaku di beberapa negara membangun yang lain, yang cuba mengamalkan sistem demokrasi, adalah bukti bagaimana sulit dan bahaya amalan demokrasi.

Dr Mahathir berkata, tahap kematangan kefahaman rakyat terhadap batasan dan had demokrasi menentukan sama ada demokrasi membawa kebaikan atau tidak.

Beliau berkata, kepercayaan bahawa kehendak ramai adalah keramat (Vox Populi Vox Dei - suara ramai, suara tuhan) yang didukung oleh pengamal demokrasi di negara maju Eropah, tidak selalunya benar.

"Kerap kali suara ramai tidak diasaskan kepada kebenaran atau pemikiran yang waras. Ia lebih mungkin dipengaruhi nafsu dan kepentingan kelas atau kaum," katanya.

Dr Mahathir memberi contoh misalnya kerajaan buruh begitu memihak kepada pekerja sehingga pendapatan dan kemudahan bagi mereka ditambah dengan begitu kerap dan tinggi menyebabkan produk negara menjadi tidak berdaya saing dan perusahaan-perusahaan negara terpaksa ditutup menjadikan ekonomi negara merosot dan ramai menganggur.